

→ PENDIDIKAN

5 UA dalam kelompok 50 universiti terbaik Asia

→ UM kukuh kedudukan pada tangga ke-19 dalam QS-AUR 2019

Oleh **Fadzlena Jafar**
fadzlina@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Universiti Malaya (UM) memperkukuhkan kedudukannya dalam Quacquarelli Symonds (QS) Asia University Rankings (QS-AUR 2019) apabila melonjak empat anak tangga daripada kedudukan ke-23 tahun lalu kepada ke-19, tahun ini.

Selain UM, empat universiti penyelidikan (RU) lain turut berada dalam kelompok 50 universiti terbaik Asia, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) pada kedudukan ke-34, Universiti Kebangsaan Malaysia (41), Universiti Sains Malaysia (43) dan Universiti Teknologi Malaysia (47).

Naib Canselor UM, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim, berkata kejayaan UM berada dalam kelompok empat peratus universiti terbaik Asia itu membuktikan pengiktirafan serantau terhadap kualiti pengajaran, penyelidikan dan kerjasama antarabangsa.

Beliau berkata, pencapaian membanggakan itu membuktikan inisiatif berterusan universiti dalam meningkatkan tahap penyelidikan, program pengantarabangsaan dan juga jalinan industri sejak beberapa tahun lalu membuahkan hasil.

“Kejayaan ini membakar semangat kami untuk menerus-



Kejayaan ini membakar semangat kami untuk meneruskan fokus bagi fasa berikutnya”

Abdul Rahim Hashim,
Naib Canselor UM

kan fokus bagi fasa berikutnya dalam memperkukuhkan asas akademik, memperbanyakkan kerjasama penyelidikan antara-bangsa dan jalinan akademik-industri,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Universiti Asia terbaik

QS-AUR 2019 yang dikeluarkan semalam menunjukkan sebanyak 24 universiti Malaysia berada dalam kelompok 500 universiti terbaik Asia, sekali gus membuktikan penawaran sesi pengajaran dan pembelajaran yang bermutu, bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau ini.

Beberapa universiti awam (UA) turut menunjukkan pencapaian membanggakan antaranya Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berada pada kedudukan ke-128, Universiti Teknologi MARA (137) dan Universiti Islam Antarabangsa (143), Universiti Malaysia Sabah (206), Universiti Malaysia Terengganu (291-300), Universiti Pendidikan Sultan Idris (401-450) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (451-500).

Sementara itu, tiga universiti teknikal Malaysia iaitu Universiti Malaysia Pahang turut menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berada pada kedudukan ke-188, Universiti Malaysia Perlis (201) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (301-350).